

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

CIDB MALAYSIA IKTIRAF KECEMERLANGAN WARTAWAN DI ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN

41 pengamal media menerima anugerah di Anugerah Media Pembinaan CIDB 2025

KUALA LUMPUR, 17 Disember 2025 – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini mengiktiraf sumbangan dan kecemerlangan 41 pengamal media, termasuk wartawan dan jurugambar di Anugerah Media Pembinaan CIDB 2025 (AMP 2025). Anugerah ini diberikan sebagai penghargaan kepada pengamal media yang memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran awam terhadap dasar dan inisiatif kerajaan berkaitan industri pembinaan.

AMP 2025 merupakan penganjuran kali kelapan oleh CIDB dengan kerjasama Kementerian Kerja Raya (KKR). Majlis penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, bersempena Malam Penghargaan Media Kementerian Kerja Raya. Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Datuk Seri Dr. Ahmad Maslan.

Anugerah Media Pembinaan (AMP) bertujuan menggalakkan penghasilan kandungan kewartawanan dan liputan media yang berkualiti mengenai industri pembinaan. Ini termasuk laporan isu-isu semasa seperti keselamatan tapak binaan, kelestarian alam sekitar, penerapan teknologi baharu serta aspek lain yang menyumbang kepada pembangunan

industri pembinaan negara.

Penganugerahan dimulakan dengan kategori Anugerah Media Cetak dan Portal Berita (Laporan Berita Khas) yang dimenangi oleh wartawan Noor Syahhira Binti Hady dari New Sarawak Tribune menerusi laporan bertajuk Green buildings to address sustainability challenges, Green Sustainability In Urban Planning, Debunking Misconceptions On GBI-rated Buildings, Closing Skills Gaps In Sarawak's Construction Sector.

Bagi kategori Anugerah Media Cetak dan Portal Berita (Rencana), tempat pertama dimenangi oleh Mohd Ghazali Bin Alias dari Kosmo! Melalui rencana bertajuk Penakluk Puncak Menara , Cabaran membersih 'tangan' Tunku Abdul Rahman. Sementara itu, kategori Anugerah Media Penyiaran Televisyen dan Video Dalam Talian (Laporan Khas dan Dokumentari) dimenangi oleh Iswadiman Bin Dominikus dan Norhalim Bin Mohammed dari RTM Sabah menerusi liputan khas bertajuk. "Skrip Sr Badang Kinabalu-Peralatan Seberat 4 Tan Bukan Halangan (Siri 1), Skrip Sr Stesen Layang-Layang-Radius Lebih Luas, Berkualiti (Siri 2)".

Kategori Anugerah Media Penyiaran Radio dimenangi oleh Nor Ain Binti Abu Bakar dari RTM Perak, manakala Anugerah Fotografi disandang oleh Mohd Faihan Bin Mohd Ghani, jurugambar dari The Star. Anugerah Infografik (Pegun) dimenangi oleh Tung Eng Hwa, Muhammad Hafeez Aminuddin, Foo Chern Hwan dan Muhammad Shyafiq Bin Dzulkifli, manakala Anugerah Infografik (Video) diberi secara merit kepada The Star dan Utusan Malaysia.

Kesemua pemenang menerima wang tunai, sijil penghargaan serta trofi. Senarai pemenang adalah seperti yang berikut:

A. Kategori Media Cetak & Portal Berita (Laporan Khas Berita):

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Pertama (RM5,000)	Noor Syahhira Binti Hadi	New Sarawak Tribune	Green buildings to address sustainability challenges, Green Sustainability In Urban Planning, Debunking Misconceptions On GBI-rated Buildings, Closing Skills Gaps In Sarawak's Construction Sector
Kedua (RM3,000)	Wais Qorni Bin Azizan & Muhammad Mustakim Bin Ramli	mStar	Pusat RCA pertama inisiatif YTL Cement-CREAM: Malaysia ke arah ekonomi hijau, industri pembinaan mampan, CREAM giat lakukan penyelidikan, bersedia untuk projek RCA skala besar ikut jejak negara maju, Luaskan penggunaan RCA, kontraktor sambut baik inisiatif kurangkan kebergantungan sumber binaan semula jadi, Konkrit terbuang kini jadi sumber bernilai, RCA mampu ganti 30 peratus agregat semula jadi, RCA bantu jaga bumi, langkah besar ke arah pembinaan hijau sejajar prinsip ESG - Ahli akademik

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Ketiga (RM2,000)	Nurul Huda Binti Husain & Siti Noor Faezah Binti Muda	Sinar Harian	Dilema Rumah Pasang Siap

B. Kategori Anugerah Media Cetak & Portal Berita:

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Pertama (RM5,000)	Mohd Ghazali Bin Alias	Kosmo!	Penakluk Puncak Menara ,Cabaran Membersih 'Tangan' Tunku Abdul Rahman
Kedua (RM3,000)	Mohd Noor Iqram Bin Rosli	BERNAMA	Siri 1 - Berusia Lebih 4 Dekad, Tiba Masa JRTB Dibaik Pulih, Siri 2 - Baik Pulih JRTB : Pakar Syor Kaji Semula Reka Bentuk Jalan, Guna Teknologi Pintar, Siri 3 - Kerajaan Rangka Pelan Komprehensif Tingkatkan Keselamatan JRTB
Ketiga (RM2,000)	Muhammad Basir Roslan	BERNAMA	Penggunaan Dron Tingkatkan Prestasi Sektor Pembinaan Negara

**C. Kategori Anugerah Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian
(Laporan Khas & Dokumentari):**

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Pertama (RM5,000)	Iswadiman Bin Dominikus & Norhalim Bin Mohammed	RTM Sabah	Skrip Sr Badang Kinabalu-Peralatan Seberat 4 Tan Bukan Halangan (Siri 1), Skrip Sr Stesen Layang-

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
			Layang-Radius Lebih Luas, Berkualiti (Siri 2)
Kedua (RM3,000)	Mohd Rose Bin Abdullah	TV3	Rumah Modular Kediaman Masa Depan
Ketiga (RM2,000)	Christine Lee Mei Chin, Mohd Hairul Izuan Aminuddin, Mohd Zaiadi Bin Md Nor, Mohd Zahril Bin Abdullah, Azizul Bin Sufyan, Mohamad Amirul Akmal Bin Norazali & Jasrizan Bin Bidin	TV3	Tragedi Paip Gas

D. Kategori Anugerah Media Penyiaran Radio:

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Pertama (RM5,000)	Nor Ain Binti Abu Bakar	RTM Perak	Kad Hijau - Lesen Selamat Di Tapak Binaan
Kedua (RM3,000)	Nur Syazwani Bakhtiar Azam, Naziana Md Nasir & Kamal Azudin Md. Yusoff	BERNAMA Radio	Rumah Terbengkalai : Di Mana Silapnya?
Ketiga (RM2,000)	Noor Sharidah Binti Shaffie	RTM Perak	Dokumentari Khas Pencakar Langit : Pemandu Kren Menara

E. Kategori Anugerah Fotografi

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Pertama (RM5,000)	Mohd Faihan Bin Mohd Ghani	The Star	Gilded grandeur
Kedua	Ahmad Izzrafiq Alias	The Star	High life of building, maintaining cities

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
(RM3,000)			
Ketiga (RM2,000)	Mohammad Azman Bin Abdul Ghani	The Star	High life of building, maintaining cities Unseen crews unsung heroes of nation's skylines.

F. Kategori Anugerah Infografik (Pegun)

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Pertama (RM5,000)	Tung Eng Hwa, Muhammad Hafeez Aminuddin, Foo Chern Hwan, Muhammad Shyafiq Bin Dzulkifli & Abdul Razak Bin Ahmad Idris	The Star	Developing the nation with solar power
Kedua (RM3,000)	Mohamad Sany Misnan	Utusan Malaysia	Menara Condong Teluk Intan, 139 Tahun Kekal Kukuh
Ketiga (RM2,000)	Nor Salim Bin Mohamed Dawan & Mohd Jamilul Anbia Bin Md Denin	Harian Metro	Rumah demi Kesejahteraan Rakyat

G. Kategori Anugerah Infografik (Video):

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Merit	Nor Shalina Binti Abdul Samad, Tung Eng Hwa, Mohd Syahril Bin Mohd Jamil, Shaiful Rizwan Bin Mohd Azhar, Muhammad Shyafiq Bin Dzulkifli & Abdul	The Star	Powering a sustainable nation

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
	Razak Bin Ahmad Idris		
Merit	Shaiful Hairry Bin Ahmad Sabiron	Utusan Malaysia	Kontrik Hijau-Meneroka Teknologi Pembinaan Lestari di Perak

CIDB Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para wartawan dan pengamal media atas komitmen serta profesionalisme dalam melaporkan isu-isu industri pembinaan secara berterusan. Peranan media amat penting dalam membentuk kefahaman awam, menyampaikan maklumat yang tepat serta menyokong usaha kerajaan dan industri ke arah pembangunan sektor pembinaan yang lebih selamat, mampan dan berdaya saing.

TAMAT

Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
